


Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Rejab / Sya'ban 1441 — Mac 2020

BIL: 20 / 2020



Covid 19 dan Iman Sebagai Seorang Muslim

Abah, Sungguh! Dirimu Memberi Inspirasi	Orang yang beruntung	Kenapa Prasangka Buruk
Sifat-sifat Utama Seorang Pemimpin	Kekal Cergas Dengan Zikir Fatimah	

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Mohd Hidayat Bin Mahadi
Farhatun Atmam Jamaluddin
Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Shahril Anuar Abdul Ghalim
Nurul Nisha Mohd Shah
Nadiah Hj. Mohd Zin

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh lima atau siri keduapuluh yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah **"Covid 19 dan Iman Sebagai Seorang Muslim"**. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Covid 19 dan Iman Sebagai Seorang Muslim (3)
- ⇒ Abah, Sungguh! Dirimu Memberi Inspirasi (8)
- ⇒ Orang Yang Beruntung (10)
- ⇒ Kenapa Prasangka Buruk (13)
- ⇒ Kekal Cergas Dengan Zikir Fatimah (15)
- ⇒ Sifat-sifat Utama Seorang Pemimpin (16)


Jika berminat untuk menghantar sebarang artikel atau komen, boleh email ke buletin.acis.n9@gmail.com muallim@uitm.edu.my

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali

Covid 19 dan Iman Sebagai Seorang Muslim

Oleh : Mohd Hidayat Bin Mahadi
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)



Allah SWT telah menciptakan bumi dan alam semesta dengan sangat menarik dan cantik. Tumbuh-tumbuhan yang hidup menghijau dan langit yang biru telah memberikan pandangan yang menyegarkan. Ini membuktikan bahawa kekuasaan Allah SWT yang telah menciptakan segala isi langit dan di bumi. Namun apa yang berlaku hari ini, manusia tidak mengambil kesempatan atas rezeki yang melimpah ruah ini dengan rasa syukur. Bahkan manusia kufur akan nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT. Antaranya ialah tidak menjaga amanah Allah SWT seperti memelihara bumi dan alam sekitar

dengan baik, tidak menjaga hubungan dengan Allah SWT, serta tidak memelihara ukhwa sesama manusia dengan sempurna. Justeru, kejadian virus Covid 19 sudah pastinya berlaku atas kehendak Allah SWT jua.

Allah SWT telah berfirman:

“Tidak ada suatu musibah yang menimpa (seseorang), kecuali dengan izin Allah SWT dan sesiapa yang beriman kepada Allah SWT, nescaya Allah SWT akan memberikannya petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu”.(Surah at Taghabun: 11).

Oleh itu boleh disebutkan juga bahawa penularan virus pendemik yang dikenali sebagai Virus Corona atau nama saintifiknya Covid 19 ke seluruh dunia adalah dalam lingkungan kuasa Allah SWT ke atas manusia. Kini, hampir 100000 manusia di seluruh dunia telah disahkan positif menghidap penyakit Covid 19. Gelombang penularan Covid 19 ini juga telah melenyapkan sama sekali keegoan negara-negara besar dunia Barat seperti Itali, Amerika Syarikat, Perancis, Britain, dan lain-lain

koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini mulanya telah dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh WHO pada 11 Mac 2020.

Virus Covid 19 adalah sejenis virus yang mampu untuk berpindah dari satu perumah ke perumah yang lain melalui jalan udara yang disedut oleh setiap manusia, seiring dengan perubahan dan mutasi yang berlaku terhadap dirinya



lagi. Malahan pada 13 Mac 2020, WHO juga telahewartakan bahawa pusat penularan virus pembunuh tersebut adalah di kawasan Eropah setelah China mencatatkan penurunan jumlah yang terkena jangkitan, mahupun yang mati akibat virus ini. Justeru, tulisan ini akan membincangkan penyakit Covid 19 dan iman sebagai seorang Muslim.

i. Apakah Virus Corona Atau Covid 19.

Covid 19 adalah satu penyakit kategori pandemik global yang berpunca dari sindrom pernafasan akut teruk

sendiri. Ia mampu untuk mempertahankan dirinya dari sistem imun manusia yang diserangnya. Malahan, ia juga mampu untuk mempertahankan dirinya dari pelbagai jenis ubat setakat hari ini.

Munculnya penyakit degenerative seperti virus Corona ini telah membuka mata manusia seluas-luasnya bahawa sifat kuman sememangnya tidak pernah duduk diam. Perubahan iklim dan pelbagai bentuk pengaruh lain mampu untuk menjadikan virus tersebut untuk bermodifikasi dan beradaptasi sehingga ke pelbagai jenis genetik.

PANDANGAN DARI SUDUT ISLAM

Dalam sejarah Islam, wabak berjangkit seperti Covid 19 ini sebenarnya pernah berlaku pada zaman pemerintahan khalifah Umar al Khattab. Wabak Taun yang berlaku pada ketika itu didapati berasal dari sebuah perkampungan yang bernama Amwas, Palestin. Penularan wabak Taun ini telah mengakibatkan kematian sehingga 25 000 orang, termasuklah para sahabat Nabi SAW. Antara sahabat Nabi SAW yang terkorban akibat dari penularan wabak Taun tersebut ialah Abu Ubaidah RA, Muaz RA, Yazid bin Abi Sufyan RA, dan lain-lain (al Bidayah wa al Nihayah, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah).

Sebagai seorang Muslim, kita seharusnya menyedari bahawa segala musibah yang berlaku disekeliling kita pada hari ini termasuklah wabak virus Covid 19 ini merupakan satu musibah yang telah menjadi qadha (ketentuan) Allah SWT, yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Kuasa. Firman Allah SWT di dalam al Quran yang bermaksud: “Tiada satu bencana pun yang menimpa bumi dan tidak pula pada diri kalian sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab (Luh Mahfuz) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah SWT (Surah al Hadid 57: 22)

Musibah seperti ini bukanlah azab dari Allah SWT ke atas manusia. Berbanding umat-umat terdahulu seperti umat Nabi Nuh dan Nabi Luth. Musibah

yang berlaku ini lebih merupakan ujian dari Allah SWT untuk menguji tahap kesabaran dan juga sejauhmana tahap ketaqwaan manusia kepada Allah SWT, selain peringatan Allah SWT sendiri kepada umat manusia. Allah SWT berfirman dalam al Qur'an yang bermaksud: “Sesungguhnya Kami akan menimpakan cubaan ke atas kalian dengan sedikit ketakutan, kelaparan serta kekurangan harta, jiwa, dan buah-buahan. Sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang yang jika ditimpakan padanya musibah, mereka akan mengucapkan Innalillahi wa inna ilaihi raji un”. (Surah al Baqarah 2: 155-156).



Maka di sinilah penting bagi kaum Muslimin yang terkena tempias virus Corona ini untuk sentiasa bersabar dan pasrah sepenuhnya atas qadha Allah SWT. Anggaplah juga bahawa ini merupakan ujian dari Allah SWT kepada hamba-hamba Nya yang bertaqwa. Sebagai seorang Muslim, kita seharusnya yakin bahawa Allah SWT sentiasa mencintai orang-orang yang sabar. Bahkan, Allah SWT juga sentiasa bersama dengan orang-orang yang redha serta menjauhkan diri dari sikap berputus asa, dan mengembalikan seluruh urusan tersebut kepada Allah SWT.

Bagi Muslimin yang tidak ditimpakan Allah SWT musibah ini ke atas mereka, seharusnya golongan ini dapat menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk mengikut kemampuan dan keadaan masing-masing. Kerajaan sebagai pemerintah tentu sahaja merupakan pihak yang paling penting dalam memainkan peranan menghulurkan bantuan tersebut bagi meringankan beban rakyat yang ditimpa musibah ini. Namun, ianya boleh juga dilaksanakan oleh masyarakat dan Muslim yang lain dengan saling bertolong bantu dalam urusan kebajikan dan bertindak atas dasar nilai kemanusiaan.

ii. Musibah Covid 19 sebagai tanda peringatan dari Allah SWT

Sementara itu, antara asbab lain musibah Covid 19 yang boleh dikaitkan dengan manusia ialah akibat dari tangan-tangan manusia itu sendiri yang gemar melakukan kerosakan di muka bumi. Musibah seumpama ini lebih merupakan satu peringatan kepada manusia sama ada kaum Muslimin atau bukan yang seringkali melanggar akan perintah dan aturan Allah SWT. Allah SWT telah berfirman di dalam al Qur'an yang membawa maksud: "Telah Nampak kerosakan di darat dan di laut akibat dari perbuatan tangan manusia, supaya Allah SWT merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar" (Surah ar Rum: 41)

Ibnu Katsir dalam menafsirkan ayat (akibat perbuatan tangan manusia..) adalah perbuatan-perbuatan maksiat dan juga kerosakan. Ertinya, pelbagai kerosakan darat dan di laut yang menimpa manusia adalah dari perbuatan maksiat dan kerosakan yang dilakukan oleh manusia itu sendiri. Di samping itu, musibah juga boleh terjadi dalam bentuk kesempitan hidup yang sejak akhir-akhir ini dialami oleh umat manusia, khususnya kaum Muslimin. Musibah seumpama ini lebih kepada teguran sekaligus ancaman ketikamana manusia berpaling dari memperingati Allah Azza Wajalla. Allah SWT telah berfirman dalam al Qur'an yang membawa maksud: "siapa sahaja yang berpaling dari memperingati-Ku (al Qur'an). Maka sesungguhnya baginya adalah penghidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada Hari Kiamat kelak dalam keadaan yang buta" (Surah Thaha: 124)

Kesan Covid 19 Kepada Sosio Ekonomi Dan Budaya Masyarakat:

Covid 19 telah mengakibatkan perubahan yang besar dalam masyarakat manusia. Hal ini termasuklah peningkatan jumlah penutupan perniagaan dalam industri-industri kecil, serta peningkatan dalam polarisasi politik. Adalah dijangkakan bahawa tahun 2020 merupakan tahun kelembapan dan kemelesetan ekonomi yang teruk di peringkat global berbanding yang telah berlaku pada tahun 2008.

Menurut Imam Jalalain dan Imam

Virus pandemik ini juga telah menyebabkan “revolusi bekerja dari rumah” kerana syarikat-syarikat utama telah beralih kepada penyesuaian telekomunikasi untuk memperlahankan penyebaran virus. Kesan ini juga telah dilihat dalam system Pendidikan di mana pembelajaran dalam talian telah digunakan secara sepenuhnya. Di samping itu, segala bentuk persidangan sama ada secara kecil atau besar, perniagaan, dan hubungan sosial segalanya dijalankan secara maya.

Menurut pensyarah Jabatan Ekonomi Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd Yusuf Saari menyatakan bahawa Covid 19 memberikan impak kepada ekonomi rakyat pada masa kini melalui 3 saluran iaitu penurunan permintaan eksport, penurunan permintaan domestic, dan kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ketiga-tiga saluran ini memberikan impak yang berbeza kepada rakyat bergantung kepada kumpulan pendapatan mereka, bandar atau luar bandar, serta sektor pekerjaan formal dan informal.

PENUTUP

Setiap bencana yang berlaku di muka bumi Allah ini ada maksud dan tujuannya yang tersendiri yang telah Allah SWT tetapkan buat umat manusia. Dalam Islam, tidak akan berlaku sesuatu itu kerana kebetulan, tetapi ianya berlaku adalah kerana kehendak Allah SWT sendiri. Demikianlah juga berlakunya peristiwa wabak Covid 19 yang sedang melanda dunia pada ketika ini. Maka dengan sebab itulah Nabi SAW melarang umatnya untuk mencaci maki takdir seperti musibah atau apa jua kejadian yang berlaku, sebagaimana yang telah dinyatakan dalam sebuah hadis:

“Janganlah kamu menuduh Allah SWT dengan suatu tuduhan yang tidak baik pada setiap kejadian yang telah ditakdirkan-Nya”. (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Apabila sebagai manusia kita mengaitkan segala kejadian yang berlaku di dunia ini adalah hasil aturan dan kehendak Allah SWT, maka kita akan melihatnya dari sudut pandangan yang positif. Allah SWT tidak akan sesekali menzalimi para hamba-Nya. Keimanan akan menyuntik kekuatan insan untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk ujian yang menimpa. Keimanan seperti ini jugalah yang akan membina dan membentuk peribadi yang teguh dan mulia dalam mengharung cabaran dunia.

Abah, Sungguh! Dirimu Memberi Inspirasi!

Oleh : Farhatun Atmam Jamaluddin
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)

CERPEN

Dibesarkan dalam suasana kehidupan sebuah keluarga yang serba kekurangan begitu menyuntik emosi anak ini akan kecekan hati seorang insan yang dipanggil “Abah”. Abahku bekerja sebagai nelayan dan ibuku telah meninggal dunia tatkala usia ku menjengah 10 tahun. Usai peninggalan arwah ibuku, pelbagai tawaran aku terima daripada jiran tetangga untuk menjadikan aku sebagai anak angkat mereka sekaligus memisahkan suasana kehidupan ku bersama abah. Namun, dengan riak wajah yang tenang, penuh keyakinan dan pengharapan kepada Allah, tegas abah mengatakan kemampuannya untuk terus membesarkan diri ku sendirian, walaupun dalam suasana serba kekurangan.

Seawal usiaku menjengah 13 tahun, aku dihantar ke sekolah asrama. Di asrama, emosiku kembali terganggu dan perasaan sedih berbaur gembira diselangi rasa cemburu datang silih berganti tatkala melihat aksi kawan-kawanku berpelukan tanda kasih sayang dan rindu bersama ibu bapa mereka usai bertemu dan berpisah setiap minggu berlegar-legar difikiranku. Sehingga akhirnya mengundang titisan jernih yang kian deras dari kelopak mataku sebagai gambaran rinduku kepada arwah ibu yang tidak mampu diungkap.

Apakah abahku tidak datang untuk melawat aku di sini?

Bukan begitu...Abahku begitu gembira mahu selalu datang dan melawatku setiap minggu di sini seperti yang selalu dilakukan oleh ibu bapa kawan-kawanku. Namun, kemampuan abahku terbatas sehingga terhalang hasratnya itu. Akan tetapi, sebulan sekali masih belum pernah Abahku menyepikan diri dari terus melawat aku di sini. Dengan hanya berbekalkan motosikal yang kian uzur, abahku tetap gagahi diri semata-mata ingin menggambarkan kasih sayang dan tanggungjawabnya terhadap aku. Perjalanan selama 2 jam dari rumahku ke sekolah dilalui abah dengan tekad sekali, walaupun selalu terlihat kekuyupan basahan baju abahku dikala sampai ke sekolahku. Manakan tidak, hujan silih berganti sepanjang perjalanan terpaksa ditempuhi. Namun, tatkala bertemu denganku hanya senyuman yang terukir bersilih ganti dengan pertanyaan keadaanku di sini. Tidak pernah sekali mengeluh dan meratapi kekurangan dan kesusahan yang sedang dilalui. Sungguh! Lelaki ini hebat sekali. Redha pada ketentuan Illahi dan pengharapannya diletak tinggi pada Allah Rabbul Izzati tanpa sangsi.

Peristiwa ini kian menyuntik motivasi ku lagi. Suatu hari, usai bercuti sekolah

selama seminggu abahku menghantar aku kembali ke asrama. Ketika itu, keadaan abahku benar-benar kekeringan wang. Namun, kami tetap bergerak dari rumah ke sekolah seawal jam 7 pagi bagi mengelakkan kepanasan di atas jalan raya. Dalam perjalanan tersebut, kami diuji dengan tayar motosikal yang tiba-tiba pancit di lebuh raya yang kami lalui sehingga menyebabkan Abah terpaksa menyorong motosikal itu sejauh 5 kilometer. Peluh keluar silih berganti dan sesekali kami terpaksa berhenti bagi merawat keletihan yang dirasakan. Perjalanan yang aku rasakan begitu letih dan jauh sekali, sedikit pun tidak menggugat ketabahan dan kecekalan lelaki ini. Sungguh! Lelaki ini, dia abahku!. Sabar dan redhanya atas ujian begitu tinggi. Perjalanan kami menuju destinasi akhirnya terhenti tatkala melalui sebuah pekan kecil yang menemukan kami dengan bengkel motosikal. Ya! di bengkel motosikal ini kami singgah berhenti dengan harapan dapat membaiki motosikal kami bagi meneruskan perjalanan ke destinasi. Tiba-tiba abahku bersuara kepada ku dan

berkata: "Ani, abah cuma ada RM3 sahaja. RM5 ni opah suruh bagi kat Ani. Kami saling berpandangan, hatiku begitu sedih sekali. Dengan senyuman bersama jatuhnya air mataku mengenangkan kesusahan yang dilalui abah, Aku berkata: "takpela abah, kita gunakan aja duit opah bagi ni untuk baiki tayar motor". Abahku hanya tersenyum mendengar jawapan ku. Dengan duit yang diberi opah, Alhamdulillah abahku dapat membeli tayar baru dengan harga RM7.50 dan baki 50sen lagi terus disimpan oleh abah.

Perjalanan kami ke sekolah diteruskan kembali, hingga akhirnya kami selamat tiba ke destinasi. Usai tiba dan ingin memasuki ke asrama, aku bersalam dengan abahku..di saat abahku mahu bergerak meneruskan kembali perjalanannya pulang ke rumah, abahku berkata: "Ani, ambillah duit 50sen ni buat belanja. Ini je yang abah mampu bagi.

Aku berkata: "takpe lah abah..abah ambil duit ni beli roti. Abah tak makan dari pagi tadi kan?..

Abahku berkata lagi: "takpe ani, abah amik 30sen je..Abah Cuma nak beli

roti..20sen ni Ani ambil la..

Aku tetap menolak. Di zaman itu, manakan mahu dicari roti semurah 30sen.

Tatkala itu, air mata ini terasa ingin tumpah lagi... namun aku cuba gagahi semampu diri.

Setelah abahku bergerak pulang, kaki ku laju menuju ke bilikku. Mukaku terus tersembam di bantalku dan akhirnya air mataku tumpah selaju-lajunya. Bersama keluarnya air mata itu, aku nekad dan berdoa untuk belajar bersungguhsungguh dan berusaha menjadi anak yang terbaik untuk abahku.

Wahai Tuhan, aku menyaksikan lelaki ini begitu amanah menjaga tanggungjawabnya kepada aku. Aku menyaksikan kecekalan dan kesabarannya membesarkan aku dalam hidup yang penuh kekurangan. Redhanya kepada takdir ketentuanMu begitu mendalam dan keyakinan dan pengharapannya kepadaMu begitu tinggi tanpa sebarang sangsi. Allah, Berikan lelaki ini Syurga tertinggiMu... Sungguh! Untuk lelaki ini. Ye, dia adalah Abahku!.

Orang Yang Beruntung

Oleh : Nasif Sidquee Pauzi

(Koordinator ACIS UiTM Kampus Seremban)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ أَسْلَمَ وَكَانَ رِزْقُهُ كَفَافًا وَقَنَعَهُ اللَّهُ قَالَ هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Daripada Abdullah bin Amru, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Beruntunglah sesiapa yang telah Islam, hartanya mencukupi dan Allah menjadikannya qanaah.”
Hadith hasan sahih.

Di dalam hadith ini, Rasulullah SAW telah memberi khabar gembira kepada individu yang berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Seorang muslim yang beruntung menurut Nabi SAW, bukanlah seorang yang kaya-raya dengan harta yang melimpah ruah, tetapi rezeki yang ada padanya adalah “kafafan” iaitu mencukupi. Perkataan “kafafan” atau mencukupi itu memberi maksud bahawa dalam kehidupan ini, apabila rezeki yang kita miliki sudah cukup, maka haruslah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah Taala di atas kecukupan itu.

Ada manusia yang hartanya banyak, tetapi tidak mencukupi. Hutangnya tidak pernah berkurang, malah semakin hari semakin bertambah. Walaupun pendapatan bulannya mencecah 5 angka, tetapi jiwanya sentiasa risau, tidak cukup rasanya harta yang diperolehi. Setiap masa sibuk memikirkan hal keduniaan supaya bertambah lagi kekayaannya. Orang yang sebegini


jika menurut hadith di atas, bukanlah seorang yang beruntung kerana harta yang banyak tidak membuatkan dirinya merasa cukup.



Berbeza pula dengan individu yang Allah rezekikan kepadanya dengan rezeki yang cukup. Walaupun gajinya tidaklah sebesar mana, namun hidupnya bebas dari belenggu hutang, anak isterinya cukup makan dan pakai. Masanya sentiasa terluang untuk ibadah dan perkara bermanfaat. Maka orang yang sebegini sangat beruntung hidupnya kerana Allah memberikan rezeki


yang cukup buatnya. Justeru, sebagai seorang muslim, sewajarnya untuk kita berdoa memohon kepada Allah agar rezeki yang dikurniakan kepada kita mencukupi buat kita dan keluarga kita. Sentiasalah kita berdoa memohon agar Allah Taala memberkati dan merahmati rezeki yang dikurniakan kepada kita.

Hadith ini bukanlah bermaksud untuk menghalang kita daripada mencari kekayaan duniawi. Tetapi ia memberi peringatan kepada kita agar menyeimbangkan antara keperluan duniawi dan ukhrawi kita. Jangan disebabkan terlalu sibuk mencari kekayaan dunia hingga kita terlupa untuk menyediakan bekalan hari akhirat kita nanti. Selain itu, Rasulullah SAW turut menyebut di dalam hadith ini, orang yang beruntung adalah orang yang bersifat qanaah.



Kamus Dewan mendefinisikan qanaah sebagai sikap berpada-pada, iaitu berpuas hati dengan apa yang ada. Sikap ini termasuk dalam kategori akhlak mahmudah menurut Islam. Ia adalah suatu sikap yang perlu ada dalam diri seseorang muslim. Seorang yang qanaah tidak akan merasa iri hati

ataupun tamak apabila melihat orang lain mendapat rezeki yang lebih berbanding dirinya. Dia akan bersyukur dan menggunakan harta yang dianugerahkan kepadanya sebaik mungkin tanpa mempersoal rezeki yang diperolehinya.



Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih masyhur dengan gelaran Hamka di dalam karyanya Tasawuf Modern telah menghuraikan maksud qanaah kepada lima elemen iaitu:

1. Menerima dengan rela apa yang ada
2. Memohon kepada Tuhan untuk tambahan yang sesuai dan berusaha

3. Menerima dengan sabar ketentuan Tuhan
4. Bertawakal kepada Allah
5. Tidak tertarik dengan tipu daya dunia

Lima elemen ini menggambarkan kepada kita bahawa konsep qanaah itu bukanlah bermaksud tidak langsung berusaha untuk urusan duniawi tetapi Hamka menghuraikannya dengan begitu menyeluruh. Ajaran Islam melalui petunjuk Rasulullah SAW memberi panduan kepada setiap muslim agar reda dengan ketentuan Allah, walau bagaimanapun dalam masa yang sama seseorang muslim perlu memohon agar Allah SWT menambah rezekinya yang sesuai dengan kadar usahanya. Setelah berusaha, maka sepenuh pengharapan diberikan kepada Allah Taala dengan bertawakal. Hamka turut menyatakan bahawa qanaah itu juga bermaksud seseorang muslim itu tidak tertarik dan tertipu dengan duniawi.

Artikel ini ditulis dalam suasana seluruh dunia sedang menghadapi pandemik COVID-19. Malaysia juga amat terkesan dengan pandemik ini. Seluruh rakyat telah diminta untuk mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kesan pandemik amat dahsyat kepada masyarakat dunia. Di Malaysia kita dapat melihat situasi panik berlaku di mana

rakyat berpusu-pusu membuat pembelian panik. Akibat daripada itu, ada barangan di pasaran yang terjejas.

Seharusnya masyarakat Malaysia secara umumnya, dan masyarakat muslim khususnya menghayati konsep qanaah dalam menghadapi situasi genting ini. Berpadalah semasa membeli barangan keperluan. Tidak perlu tamak semasa di kedai atau pasar seperti hilang kewarasan akal. Sewajarnya ujian pandemik ini menjadikan kita kembali menjadi manusia berakal dan berperanan sebagai khalifah yang berfungsi memakmurkan dunia ini. Semoga rakyat Malaysia tabah menghadapi segala cabaran yang bakal ditempuhi. Allahul Musta'an.

Rujukan

Abu Isa Muhammad bin Isa al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi, No hadith: 2271, h. 348, (Maktabah Shamilah)

Kamus Dewan Edisi Keempat: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=qanaah>

Muhammad Husni Mubarak. (2018). Qana'ah Sebagai Cara Mencegah Perilaku Hedonis (Perspektif Hamka) (Disertasi). Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang, Indonesia



Kenapa Prasangka Buruk

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)



“Aku nak tegur dan bagi salam pada dia.
Tapi kalau dia tak suka aku macam
mana?”

“Tak payahlah susah-susah buat baik.
Bukannya orang lain nak hargai pun.”

Astaghfirullah...Itulah bisikan hati kecil tatkala muncul niat murni yang ingin bersilaturrahim atau melakukan kebaikan kepada orang lain. Bisikan ini seringkali muncul tatkala hati kecil ini ingin kembali kepada fitrah yang suci iaitu sentiasa berbuat kebaikan kepada orang lain. Seringkali bisikan halus ini

membantutkan niat untuk melaksanakan kebaikan apatah lagi mengajak orang lain untuk amal makruf nahi mungkar.

Keadaan ini terjadi kerana adanya sifat berprasangka buruk dalam diri. Hari ini, dapat kita lihat punca kelemahan dan ketewasan umat Islam adalah kerana sikap prejudis dan berprasangka buruk sesama sendiri. Sikap ini telah semakin menular dalam hati ahli masyarakat seperti virus kanser yang sedang membunuh sel-sel dalam badan. Ia seolah-olah telah menjadi budaya yang amat sukar dibendung lantas menjadikan

manusia saling bermusuhan dan berlawan kerana hilangnya rasa percaya antara satu sama lain.

Allah berfirman dalam surat al-hujurat ayat 12 yang bermaksud : “Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian daripada prasangka itu adalah dosa.”

Maksud Prasangka

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat), prasangka bermaksud sangka (anggapan) buruk terhadap sesuatu (seseorang) sebelum mengetahui (menyelidiki) yang sebenarnya. Jadi, dapat kita simpulkan bahawa prasangka itu merupakan pernyataan negatif yang diberikan kepada seseorang, benda, perkara, situasi, atau keadaan berdasarkan maklumat dan persepsi yang tidak jelas. Persepsi yang diberi didorong oleh emosi yang tercetus sewaktu perkara itu berlaku. Maka jika emosi yang keluar adalah baik maka persepsi yang hadir adalah positif. Begitulah sebaliknya.

Ledakan teknologi sebagai medium utama dalam berkomunikasi menambahkan lagi faktor penyumbang kepada prasangka. Hal ini kerana kejelasan maklumat yang disampaikan boleh dipertikaikan dek kekaburan pada sumber asalnya. Jarang kita mengetahui siapakah penulis asal kepada maklumat yang telah diviralkan. Jadi oleh sebab kita tidak mengetahui apakah niat atau motif asal sesuatu maklumat itu ditulis dan disebar maka setiap orang yang membaca maklumat tersebut membuat andaian sendiri. Dan disinilah bermula prasangka.

Tips Hindari Prasangka Buruk.

Di sini penulis ingin berkongsi tips untuk menghindari prasangka buruk:

- 1) Sentiasa membersihkan hati dengan beristighfar sekurang-kurangnya 1000 kali sehari. Istighfar akan membersihkan hati kerana kita memohon ampun kepada Allah S.W.T atas segala dosa dan kesalahan yang dilakukan.
- 2) Mencari data yang lengkap apabila menerima sesuatu maklumat baharu dan tidak terus mempercayai apatah lagi menyebarkannya kepada orang lain.
- 3) Sentiasa berada dalam keadaan tenang dan tidak terpengaruh dengan emosi apabila menerima maklumat.
- 4) Rujuk orang yang pakar dalam sesuatu bidang bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap maklumat yang rumit.

Kesimpulannya, apabila kita mula berprasangka buruk kepada orang lain, itu bermaksud hati kita sedang bermasalah. Hati yang baik akan sentiasa mencari kebaikan dan mengeluarkan kebaikan. Kita perlu sentiasa membersihkan hati dengan berzikir dan mengingati Allah sebagaimana kita membersihkan kanta cermin mata kita yang telah kotor akibat habuk, cap jari sendiri dan sebagainya. Hati adalah seperti kanta cermin mata. Jika ia bersih maka apa sahaja yang berlaku, akan dilihat sebagai rahmat Allah. Dan pastinya rahmat Allah adalah tanda kasih sayangNya kepada hambaNya di muka bumi ini.

Kekal Cergas Dengan Zikir Fatimah

Oleh : Nadiyah Hj. Mohd Zin

(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Bagi mengatasi kepenatan semasa melaksanakan tugas-tugas seharian sama ada di rumah mahupun di tempat kerja, bolehlah jadikan petua yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. kepada puteri kesayangannya Saidatina Fatimah sebagai penawarnya. Suatu hari Saidatina Fatimah mengadu kepada suaminya Saidina Ali bin Abu Talib tentang kesakitan pada tangannya kerana keletihan menggiling gandum untuk membuat roti.

Saidina Ali berkata :

“Bapa kamu telah datang membawa balik tawanan perang. Berjumpalah dia dan mintalah seorang khadam untuk membantu mu.”

Saidatina Fatimah pergi bertemu bapanya dan menyatakan hasrat untuk mendapatkan seorang khadam bagi membantu tugas hariannya di rumah. Bagaimanapun Rasulullah s.a.w. tidak mampu memenuhi

permintaan anak kesayangannya itu. Lalu Baginda s.a.w. berkata:

“Apa kamu berdua mahu aku ajarkan perkara yang lebih baik daripada apa yang kamu minta daripadaku? Apabila kamu berdua berbaring untuk tidur, bertasbihlah (Subhanallah) 33 kali, bertahmid (Alhamdulillah) 33 kali dan bertakbir (Allahuakbar) 33 kali. Ia adalah lebih baik untuk kamu berdua daripada seorang khadam.”

Inilah penawar ringkas yang Nabi s.a.w. ajarkan kepada anak dan menantunya bagi meringankan keletihan dan kesusahan hidup mereka berdua. Saidina Ali terus mengulang-ulang kalimah-kalimah Rasulullah.s. a.w. ini. Katanya “Demi Allah aku tidak pernah meninggalkannya semenjak ia diajarkan kepadaku. Alangkah baiknya amalan ini dicadangkan kepada ibu-ibu, suami-suami atau sesiapa sahaja yang merasai kepenatan setelah melakukan tugas-tugas harian supaya mengamalkan membaca zikir ini.

Sifat-sifat Utama Seorang Pemimpin

Oleh : Ahmad Faiz Haji Ahmad Ubaidah
(Koordinator ACIS UiTM Kampus Seremban)

Pemimpin pada pandangan Islam adalah bukan sahaja mereka yang bertanggungjawab menjalankan urusan pentadbiran seharian dengan baik dan cemerlang tetapi ia adalah manusia contoh kepada orang lain serta simbol kepada organisasi di dalam semua gerak-gerinya, perkataan, perbuatan dan tindakan sentiasa menjadi perhatian kepada pengikut dan lawan. Oleh itu, sifat-sifat utama seorang pemimpin ialah:

i. Mengenal Dakwah

Pengenalan yang tulin terhadap dakwah membolehkan pemimpin tersebut bergerak cergas mengurus urusan-urusan organisasi, membuat pengarah dan teliti dalam setiap kerja dan tindakannya. Jaminan terhadap kejayaan setiap pemimpin ialah apabila mereka dapat bersehati dengan manhaj dakwahnya serta anggota-anggota gerakannya tidak terpisah dan terpencil.

ii. Ikhlas kepada Allah swt.

Pemimpin yang mempunyai keikhlasan sejati kepada Allah swt. Akan bertahan lebih lama dalam menghadapi cabaran, mehnah dan petaka. Mereka mestilah mempunyai hati yang sejahtera dari penyakit yang boleh merosakkan zat amalan.

iii. Memberi perhatian kepada perpaduan dan anggota

Pemimpin berkewajipan memberi perhatian kepada anggota-anggotanya benar-benar mengenali pemimpin mereka (dari sudut peribadi atau umum) bersama-sama di waktu suka dan duka serta cuba menyelesaikan permasalahan mereka. Ini dapat membantu ke arah pengawalan yang baik terhadap mereka seterusnya pemimpin dapat mengambil manfaat daripada tenaga dan kemampuan mereka. Cara yang demikian, akan dapat mengekalkan perpaduan organisasi dengan berterusan.

iv. Tauladan yang baik

Setiap individu dalam organisasi sentiasa mendongak memerhati kepada pimpinannya sebagai contoh yang terbaik untuk diteladani. Maka setiap tingkah laku pimpinan mempunyai pengaruh dan kesannya yang amat besar kepada organisasi, di mana Rasulullah adalah sebaik-baik contoh kepada umat Islam keseluruhannya.

v. Mempunyai pandangan yang tajam.

Kemampuan pimpinan dalam membaca sesuatu isu atau permasalahan dan dapat membuat penilaian dengan cepat dan tepat serta mampu mengambil keputusan yang tegas dalam pelbagai situasi dengan ini akan melahirkan kepercayaan serta penghargaan anggota organisasi kepada pimpinannya. Sebaliknya sikap teragak-agak, celaru, kaget dan tepinga-pinga akan melemahkan organisasi dan akan hilang kepercayaan daripada anggota.

vi. Mengenal diri

Diantara kewajipan pemimpin ialah mengetahui sudut-sudut kekuatan dan kelemahan yang ada pada dirinya. Jika tidak ianya boleh menyebabkan berlakunya pelbagai permasalahan dan pelbagai kemudharatan di dalam organisasi. Pemimpin hendaklah mengetahui kelemahan dirinya dan berusaha untuk mengatasinya dan meneliti sudut-sudut kekuatan terbentuk di dalam dirinya serta berusaha mempertingkatkan juga berusaha menambah pengetahuan am, tumpuan dan perhatian di dalam mengkaji pemimpin-pemimpin Islam dan bukan Islam.

vii. Memiliki daya tarikan

Ia adalah satu sifat tabie' yang sekiranya ia ada pada diri pemimpin, dapat menarik manusia (mad'u) kepada Islam tanpa usaha yang terlalu banyak. Sesungguhnya ia adalah unsur pembentukan keperibadian pimpinan yang paling kuat.

Justeru itu kepimpinan lah yang menentukan halatuju organisasi agar dapat berjalan ke matlamatnya dengan sejahtera.